

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 FEBRUARI 2017 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Shaping a tomorrow through foresight	New Straits Times
2.	Dasar Angkasa pasu ekonomi	Utusan Malaysia
3.	Dasar Angkasa Negara 2030 pacu ekonomi	Berita Harian
4.	Perkasa astronomi	Harian Metro
5.	Dasar Angkasa Negara 2030 untuk pacu pembangunan sektor angkasa negara	BERNAMA
6.	PM pengerusi Mesyuarat Majlis Sains Negara	Berita Harian
7.	Science Council endorses Code of Responsible Conduct in Research	New Straits Times
8.	Najib: Space Policy can benefit nation	The Star
9.	National Space Policy 2030 to drive development in space sector	BERNAMA
10.	National Space Policy 2030 to drive development in space sector	The Sun
11.	National Space Policy 2030 to drive development in space sector, says PM	Malay Mail
12.	National Space Policy 2030 to drive development in space sector	Astro Awani
13.	Tipu di internet naik 20 peratus	Berita Harian
14.	Jangan sebarkan maklumat palsu	KOSMO
15.	Penipu siber ligat	Harian Metro
16.	Ke penipuan dalam talian meningkat tahun lepas – Madius	BERNAMA
17.	Kes penipuan dalam talian meningkat tahun lepas	Utusan Borneo
18.	Perlu lebih teliti sebar maklumat daripada internet – PM Najib	Astro Awani

19.	Kes penipuan dalam talian meningkat	MStar
20.	On-line cheating cases rise last year – Madius	BERNAMA
21.	Be more diligent in proliferating information from internet: Najib	The Sun
22.	Be ethical and smart on social media, says minister	The Star
23.	Online cheating cases on the rise	Malay Mail
24.	On-line cheating cases up last year	New Sarawak Tribune
25.	Online cheating cases up last year – Madius	Borneo Post
26.	CyberSecurity Malaysia recorded 3,921 online fraud cases in 2016	The Edge Financial Daily
27.	Online scams increased 20 per cent last year	Nanyang Siang Pai
28.	Internet fraud increases year by year	Sin Chew Daily
29.	Online scams increased	China Press
30.	Latihan keusahawanan: MTDC, universiti Korea tukar pelajar	Sinar Harian

PART 2: CO-CREATING THE FUTURE WE DESIRE FOR 2050



DATUK SERI
WILFRED
MADIUS
TANGAU

SHAPING A TOMORROW THROUGH FORESIGHT

Change is the only constant, and we need to be able to prepare for them earlier

WHEN I was at the World Economic Forum recently, much was discussed on changes that will be brought upon by the Fourth Industrial Revolution, on policy formulation that will drive the economic development of the country.

For any country to remain competitive, we need to be prepared for changes and leverage on these changes. Change is the only constant, and we need to be able to prepare for them earlier. We cannot be contented to just go with the flow. We need to create the flow and the rest will follow.

For this, I believe we need to have foresight. This is a strategic tool for studying the future, to systematically explore predictions and possibilities, and how they can emerge from the present. Through foresight, we can plan ahead and decide on what to do today to achieve our vision of tomorrow. Ideally, we need to plan and execute the short term wins to ensure we achieve the desired goals in the future.

To reap the benefits that any change may bring, we need to anticipate these changes, prepare several strategic plans and implement them efficiently. Through foresight, we can also envision how society will be in that future to understand the demands of the population, global risks and trends and how Science, Technology and Innovation (STI) can drive economy, enable society and solve problems.

The Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) through ASM have already embarked on this path to 2050 through the Academy of Sciences Malaysia's Malaysia 2050 Agenda that encompasses the Envisioning Malaysia 2050 Foresight Initiative, Mega Science and Emerging Science, Engineering and Technology studies. This study aims to identify ways to position the country moving forward through maximum use of STI by looking at mega trends that would impact Malaysia. This is vital to ensure sustained national development and global competitiveness.

One of the trends highlighted in this study is that by 2050, the pop-



Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (centre) with kindergarteners in Tuaran. We must bear in mind that our future generations would inherit what we invest in today.

ulation of Malaysia will reach 40 million but will be an ageing population. To ensure that they can live healthy and independently, we need to put in place research and development (R&D) to develop robotics and smart devices, infrastructure to accommodate them, designs that support their needs, personalised medicine and remote healthcare monitoring for their welfare. Additionally, we can leverage on STI to harness their experience and knowledge for them to continually contribute to build a sustainable society.

In line with building resilience for an inclusive and sustainable future, this study also envisions Malaysia to comprise Smart Communities by 2050 that are prosperous, sustainable and harmonious driven by STI. Our aspiration is to be a developed nation with an economy that is competitively inclusive, sustainable, robust and resilient in the most effective way possible.

This study has been extensively conducted by encompassing holistic viewpoints from not only the S&T component, but also from experts in geopolitics, society and culture, and economic and finance. We are finalising the Foresight study and would like to share the findings of this study with all Malaysians, especially youth, soon.

Findings from the Foresight study will be complementary with the recently announced National Transformation 2050 (TN50) and a good conversation starter in the engage-

ments with Malaysians from all walks of life. Especially considering the two main themes of TN50 are closely related to my ministry, which are the aspirations of:

HAVING a safe, sustainable and healthy living and,

AN innovative, connected society adapting to new technologies.

I believe the future of Malaysia should not be by chance, it should be by design. This is aligned with the commitment of Mosti as the champion of the new economy through its reorganisation and focus on the technology foresight division.

In shaping a Malaysia of tomorrow, firstly, the old mould of thinking and working must be cast away. As Albert Einstein once said, "We cannot solve problems by using the same kind of thinking we used when we created them".

THE WAY FORWARD

In all that we do, we must bear in mind that our future generations would inherit what we invest in today. For example, in the book, *The Industries of the Future*, author Alex Ross emphasises the importance of investing in nurturing a creative and entrepreneurial spirit among the young generation.

STI underpins the creation of new businesses, new jobs and drives productivity growth. Research and Innovation strengthen our capacity to design and engineer the future we desire. Thus, STI is vital for economic growth and development. Al-

though never without risk, STI breakthroughs promise solutions to the most pressing global challenges of our time.

It is undeniable that lives have been saved, affected and transformed, thanks to STI. Behind these life-changing innovations are the people with the ideas, knowledge, creativity and willingness to take the leap of faith into the unknown. They are whom we call the innovators. They saw a problem, wanted to do something about it and came together to solve that problem. They created the future they wanted.

So, what is the future we want?

For me, I have three aspirations learnt from the South Koreans:

TO create high risk, high reward technopreneurs.

TO develop a society that is patriotic to homegrown innovation; and,

TO have a long term sustainable and effective planning for STEM talent.

I believe that if we have that and everyone plays their role, we might be able to co-create a future that we desire. I call to each and every one of you to join me on this journey to creating the future that we desire. As Henry Ford said, "Coming together is a beginning. Keeping together is progress. Working together is success".

The writer is science, technology and innovation minister and Tuaran member of parliament

In shaping a Malaysia of tomorrow, firstly, the old mould of thinking and working must be cast away.

Dasar Angkasa pacu ekonomi

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
muzdalifah@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 FEB.

MAJLIS Sains Negara (NSC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersetuju mewujudkan Dasar Angkasa Negara yang berpotensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi strategik.

Penggubalan dasar yang menjadi platform pembangunan teknologi itu membolehkan perancangan dan pembangunan sektor angkasa negara dilaksanakan dengan teratur serta diurus secara lebih cekap.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meletakkan harapan terhadap golongan muda untuk menceburi bidang astronomi dan astrofizik serta membangunkan kedua-dua bidang itu agar setanding dengan negara maju.

"Pada awal tahun ini, kita telah



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

mendengar berita tentang kejayaan luar biasa saintis muda Malaysia dalam bidang penyelidikan saintifik astrofizik iaitu Nur Adlyka Ainul Annuar yang berjaya membongkar kewujudan *supermassive black holes* (lohong hitam gergasi).

"Besarnya harapan saya semoga kejayaan ini dapat memberi perangsang dan inspirasi kepada generasi muda serta menyuntik semangat dan motivasi kepada penyelidik fizik dan astronomi tempatan," katanya dalam ucapan pembukaan

mesyuarat itu di sini hari ini.

Mesyuarat itu bersetuju menerima pakai Kod Tatalaku Bertanggungjawab Dalam Penyelidikan Malaysia (MCRCR) sebagai kod etika dan sumber rujukan utama bagi semua penyelidik di negara ini.

Najib menegaskan, kod etika berkenaan adalah penting untuk para penyelidik mempertahankan reputasi sesuatu penyelidikan.

Malangnya, kata Perdana Menteri, kerap kedengaran laporan berkaitan salah laku penyelidik seperti menciplak dan memutarbelitkan fakta dalam penyelidikan mereka, justeru perkara seumpama itu perlu dielak dan dibendung.

"MCRCR digubal sebagai kod etika untuk meningkatkan daya saing negara dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi yang akan menjadi rujukan utama dan digunakan oleh pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, universiti dan pemain industri," katanya.

Turut dipersetujui dalam mesyuarat itu adalah pelaksanaan mekanisme rangkaian kolaboratif untuk mewujudkan industri baharu yang berpaksikan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Dasar Angkasa Negara 2030 pacu ekonomi

➔ Kejayaan Nur Adlyka bongkar kewujudan 'lohong hitam gergasi' perlu jadi perangsang

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Majlis Sains Negara (NSC) yang bermesyuarat semalam bersetuju mewujudkan Dasar Angkasa Negara 2030 bagi memacu sektor angkasa negara sebagai ekonomi baharu yang strategik.

Mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini, turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius dan timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mo-

hammad Diah.

Perdana Menteri berharap generasi muda akan menceburi bidang astronomi dan astrofizik dengan menjadikan pencapaian saintis muda Malaysia dalam bidang penyelidikan saintifik astrofizik, Nur Adlyka Ainul Annuar yang berjaya membongkar kewujudan 'lohong hitam gergasi' sebagai perangsang dan inspirasi.

Kejayaan suntik semangat

"Saya juga berharap kejayaannya menyuntik semangat dan motivasi penyelidik fizik dan astronomi tempatan dalam membangunkan bidang astronomi dan astrofizik,



Najib ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di Putrajaya, semalam.

setanding negara maju," katanya dalam perutusan pada mesyuarat itu.

Najib berkata, bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) amat penting dalam menyediakan peluang kerjaya masa depan dan sebagai persediaan negara menghadapi Revolusi Industri Keempat.

"Jelas sekali pembangunan dan kemajuan Malaysia pada masa depan berkait rapat dengan penguasaan kita dalam sains dan teknologi," katanya.

Sementara itu, Madius berkata, penggabungan Dasar Angkasa Negara 2030 membolehkan peranca-

ngan dan pembangunan sektor angkasa negara dilaksanakan dengan lebih teratur serta cekap.

Industri baharu berpaksi STI

Katanya, dasar itu juga adalah asas bagi penggabungan Akta Angkasa Lepas untuk mengawal selia aktiviti dan operasi berkaitan sektor angkasa seperti pelancaran dan pengoperasian satelit, pendaftaran objek yang dilancarkan ke angkasa lepas serta pengoperasian stesen bumi.

"Malaysia juga memerlukan akta itu bagi meratifikasikan beberapa perjanjian angkasa lepas antara-

bangsa yang ditandatangani," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mesyuarat itu juga bersetuju melaksanakan mekanisme rangkaian kolaboratif bagi mewujudkan industri baharu yang berpaksikan sains, teknologi dan inovasi (STI) seperti Industri 4.0, Fintech dalam Kawangan Islam, Sistem Penyampaian Kesihatan Secara Maya dan Rantaian Industri Halal.

NSC juga bersetuju menerima pakai 'The Malaysian Code of Responsible Conduct in Research' (MCRCR) sebagai kod etika dan sumber rujukan bagi semua penyelidikan di Malaysia.



NAJIB mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara, semalam.

Perkasa astronomi

■ Dasar Angkasa Negara jamin manfaat terhadap ekonomi baru

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Majlis Sains Negara (NSC) yang bermesyuarat semalam bersetuju mewujudkan Dasar Angkasa Negara bertujuan memastikan sektor angkasa dapat dimanfaatkan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi baru yang strategik.

Mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu turut bersetuju sektor angkasa dijangka menyediakan platform pembangunan teknologi berkaitan angkasa lepas.

Najib berkata, Dasar Angkasa Negara asas kepada penggubalan Akta Angkasa Lepas yang diwujudkan bagi mengawal selia aktiviti dan operasi berkaitan sektor angkasa lepas seperti pelancaran dan pengoperasian satelit, pendaftaran objek yang dilancarkan ke angkasa lepas, pengoperasian stesen Bumi dan aktiviti lain yang berkaitan.

"Pada awal tahun ini, negara berbangga dengan kejayaan luar biasa saintis muda Malaysia, Nur Adlyka Ainul Annuar yang membongkar kewujudan lohong hitam

gergasi dan mendapat liputan meluas media di seluruh dunia.

"Harapan saya kejayaan saintis muda itu memberi perangsang dan inspirasi kepada generasi muda menceburi bidang astronomi dan astrofizik di Malaysia," katanya ketika menyampaikan perutusan pada Mesyuarat NSC Bil. 1 Tahun 2017, di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Dalam pada itu, mesyua-

rat sama turut bersetuju dengan cadangan pelaksanaan mekanisme rangkaian kerjasama mewujudkan industri baru berpaksikan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) seperti Industri 4.0, Fintech dalam kewangan Islam, Sistem Penyampaian Maya dan Rantaian Industri Halal.

Selain itu, NSC juga bersetuju menerima pakai The

Malaysian Code of Responsible Conduct in Research (MCRCR) sebagai kod etika dan sumber rujukan utama bagi semua penyeliidik di Malaysia.

Ia bertujuan mempertahankan reputasi sesuatu penyelidikan daripada aktiviti mencipak dan memutarbelit fakta.

Sementara itu, NSC turut mengambil maklum pencapaian Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam bidang sains.

Terdahulu, Najib dalam perutusan sama berkata, bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) amat penting untuk menyediakan peluang kerjaya pada masa depan dan persediaan Malaysia menghadapi Revolusi Industri Keempat.

"Forum Ekonomi Dunia (WEF) menjangkakan 65 peratus daripada kanak-kanak yang memasuki sekolah rendah hari ini bekerja dalam jenis pekerjaan baru dan belum wujud pada masa kini.

"Justeru, pembangunan dan kemajuan negara pada masa depan berkait rapat dengan penguasaan dalam sains dan kompetitif dalam apa jua keadaan," katanya.

FAKTA
65 peratus daripada kanak-kanak akan bekerja dalam jenis pekerjaan baru dan belum wujud pada masa kini

Negaraku pupuk semangat cinta negara

Kuala Lumpur: Satu program inisiatif Negaraku yang berpaksikan semangat cintakan Malaysia dilancarkan menjelang sambutan hari kemerdekaan tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, program itu bertujuan menyemarakkan semangat cintakan negara dengan mengeneipkan perbezaan dan bersatu hati menjayakan cita-cita membentuk Malaysia lebih makmur serta berjaya.

Katanya dalam kenyataan semalam, pelbagai program dan rancangan diadakan dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan bagi menjayakan inisiatif ini.

"Program inisiatif Negaraku membabitkan rakyat daripada setiap lapisan masyarakat," katanya.

